

Liyana berpakaian etnik Murut Nabai terima ijazah sarjana di UK

BERNAMA



Liyana (tengah) berpakaian etnik Murut Nabai terima ijazah sarjana di UK.

Kota Kinabalu: Nur Liyana Razali, wanita berusia 26 tahun dari Papar menarik perhatian ramai apabila mengenakan pakaian etnik Murut Nabai dari Sabah ketika menerima Ijazah Sarjana Kejuruteraan dari University of Manchester di United Kingdom, baru-baru ini.

Anak sulung daripada tiga beradik berketurunan Brunei-Murut menjadi bualan apabila gambarnya berpakaian tradisional itu berserta jubah dan 'mortar-board' ketika mengambil ijazah tersebut pada 20 Mac lalu, tular di media sosial terutama dalam kalangan warganet dari Sabah.

Nur Liyana berkata, beliau mengenakan pakaian tradisi itu sebagai satu cara untuk mempamerkan tradisi dan kebudayaan masyarakat Sabah ke negara luar, seterusnya mahu ia sentiasa dihargai dan diingati terutama oleh generasi muda.

"Sudah tentu saya gembira dapat menerima segulung Ijazah Sarjana, namun kenangan itu lebih manis apabila saya dapat mempamerkan kebudayaan Sabah di Borneo suku Murut daripada keturunan sebelah ibu saya," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Nur Liyana yang kini bertugas sebagai Pelatih Pengurusan di syarikat Nestle Malaysia, Kuala Lumpur turut mengucapkan terima kasih kepada orang ramai terutama warga Sabah yang memberikan sokongan dan galakan kepadanya.

Sementara itu, bapanya Razali Matali, 51, berkata Nur Liyana sepatutnya menerima ijazah pada 2020, namun disebabkan pandemik Covid-19, ia terpaksa ditangguhkan bagaimanapun beliau bersama isteri serta dua lagi anak bersyukur dapat menghadiri majlis tersebut yang dibuat tahun ini.

"Sebagai orang tua, saya sangat gembira atas kejayaan Nur Liyana dan terima kasih kepada kerajaan negeri melalui Yayasan Sabah yang memberikan biasiswa kepada Nur Liyana," katanya yang turut mengenakan pakaian tradisional baju Melayu cekak musang dan bersongkok ketika menghadiri majlis itu.

Disiarkan pada: Mac 27, 2022 @ 5:33pm